

**SOALAN NO: 58**

memperuntukkan anggaran sebanyak RM280 juta bagi tujuan pembiayaan 2 juta `decoder'.

MYTV telah dilantik oleh Kerajaan sebagai pengedar tunggal `decoder' di Malaysia setelah mengambil kira aspek-aspek seperti perkhidmatan dan sokongan selepas jualan, penguatkuasaan terhadap `decoder' yang tidak melalui proses pensijilan dan pemerakuan oleh SIRIM serta menaik taraf perkhidmatan TV digital di masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
[ MERSING ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN : 59**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [ Mersing ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah jumlah kes penipuan kereta klon yang telah dilaporkan yang mana kebanyakannya pembeli kereta klon ini menerima saman atas kesalahan yang tidak dilakukan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ini.**

**JAWAPAN**

Tuan yang di-Pertua,

Setakat ini, sebanyak 3,057 kereta klon telah disita oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di seluruh negara dari 2016 sehingga Julai tahun ini.

Bagi membanteras perkara ini, Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan pendaftaran asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem *Vehicle Entry Permit* (VEP). Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai bulan September 2017 dan fasa 2 untuk sempadan Malaysia-Thailand bermula awal tahun 2018.

Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara. Selain itu, ianya juga dijangka akan dapat mengesan kenderaan-kenderaan yang memasuki Malaysia melebihi had masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat membantu untuk membanteras kegiatan kereta klon.